

aab

Mahathir - Arafat

SERDANG, 7 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat Palestin tidak seharusnya menjadi mangsa Perang Teluk kerana mereka menyebelahi Iraq.

Perdana Menteri berkata adalah perkara malang jika rakyat Palestin menerima sebarang padah akibat perang itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pendirian Arab Saudi yang mahukan pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat disingkir sekiranya pertubuhan itu ingin terus mendapat bantuan kewangan Arab Saudi.

+Kita tidak ada keputusan apa-apa dalam perkara ini. Yang ingin kita lihat ialah rakyat Palestin tidak menjadi mangsa bagi apa-apa kesilapan yang dilakukan oleh mana-mana pihak,+ kata Perdana Menteri dalam satu persidangan akhbar selepas melawat ibu pejabat Mardi di sini.

(Terdapat laporan baru-baru ini bahawa rakyat keturunan Palestin di Kuwait didera oleh pihak berkuasa negara itu dan juga oleh segolongan rakyat Kuwait sendiri ekoran sokongan PLO kepada Iraq).-- Lagi

♥07/03/17-08MST

CNS1017

U GB 07-03 00105 BH101

aab

Mahathir - Arafat 2 Serdang

Mengenai keputusan kerajaan pusat untuk mengurangkan eksport kayu balak dan kayu bergergaji Sabah, Perdana Menteri menolak dakwaan ia merupakan satu hukuman kepada kerajaan negeri, yang dipimpin oleh Parti Bersatu Sabah (PBS).

Beliau berkata kerajaan pusat telah berkali-kali mengarahkan kerajaan PBS, termasuk ketika ia masih dalam Barisan Nasional, supaya mengawal penebangan tetapi itu tidak dipedulikan.

Menurut beliau, kerajaan Sabah tidak mengambil kira langsung keadaan hutan dan kesannya kepada Sabah dan alam sekitar.

Keadaan hutan di negeri itu sekarang amat buruk sekali dan sudah hampir pupus, kata beliau. -- Lagi

♥07/03/17-14MST

CNS1048

U GB 07-03 00156 BH103

aab

Mahathir - Arafat 3 Serdang

Beliau juga berkata bahawa kerajaan pusat amat kecewa dengan cara kerajaan Sabah membelanjakan hasil daripada pembalakan kerana pembangunan yang dinikmati oleh rakyat negeri itu tidak setimpal dengan keluasan hutan balak yang telah ditebang.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menolak dakwaan bahawa langkah mengurangkan eksport kayu balak dan kayubergergaji melanggar hak kerajaan negeri.

+Kita tidak akan melanggar hak kerajaan negeri. Kita tidak akan berbuat sesuatu yang di luar kuasa kita,+ katanya.

Mengenai keputusan kabinet untuk menarik balik diskaun 10 peratus bagi tarif elektrik untuk lima jenis industri, Perdana Menteri berkata kerajaan berpendapat industri-industri berkenaan tidak memerlukan diskaun itu lagi ekoran pemulihan ekonomi.

Menurut satu laporan akhbar, industri-industri itu ialah perhotelan, pembuatan simen, gas, besi dan pembuatan ais.

Sambil mengambil contoh industri perhotelan, beliau berkata diskaun itu diberikan ketika kadar penginapan begitu rendah tetapi kini ianya telah naik.-- Bernama

♥07/03/17-35MST